

**PERSEKUTUAN PERSATUAN-PERSATUAN KETURUNAN LIM
MALAYSIA KUMPUL LEBIH 1,000 AHLI UNTUK MERAIKAN
PELBAGAI PENCAPAIAN UTAMA**

Petaling Jaya, 6 Julai 2017 – Pusat Persekutuan Persatuan-Persatuan Keturunan Lim Malaysia yang dibuka baru-baru ini di Bandar Saujana Putra, Selangor, telah menarik lebih 800 individu dengan nama keluarga Lim dari Malaysia dan luar negara. Individu-individu ini berasal daripada 66 buah cawangan Persatuan Lim dari seluruh Malaysia dan 20 pertubuhan Lim di luar negara.



Majlis perasmian Pusat Persekutuan Persatuan-Persatuan Keturunan Lim Malaysia telah disempurnakan pada 2 Julai 2017 oleh Presidennya, Tan Sri Lim Hock San (sepuluh dari kanan) bersama Tan Sri Lim Wee Chai (sebelas dari kanan), Penasihat Kehormat Persatuan Lim Malaysia; Tan Sri Lim Gait Tong (dua belas dari kanan), Penasihat Kehormat Persatuan Lim Malaysia; Lin Cheng (lapan dari kanan), Pengerusi Persatuan Lim Sedunia; dan beberapa ahli Lim yang terkemuka.

Majlis perasmian pusat Persekutuan Persatuan-Persatuan Lim Malaysia telah disempurnakan oleh Presidennya, Tan Sri Lim Hock San bersama Tan Sri Lim Gait Tong, Pengerusi Kehormat Persatuan Lim Dunia; Lin Cheng, Pengerusi Persatuan Lim Sedunia; Tan Sri Lim Wee Chai, Penasihat Kehormat Persatuan Lim Malaysia;

Dato' Seri Lim Bock Seng, Penasihat Kehormat Persatuan Lim Malaysia dan beberapa ahli Lim yang terkemuka. Ahli-ahli perintis turut hadir menyaksikan perasmian pusat tersebut yang menandakan satu lagi pencapaian gemilang bagi Persekutuan Persatuan-Persatuan Lim Malaysia.

Pada Ogos 2015, Tan Sri Lim Hock San, yang berkempen untuk jawatan Presiden Persekutuan Persatuan Lim Malaysia, telah menjanjikan sebuah premis untuk ahli-ahli keturunan Lim mengadakan pertemuan dalam manifesto beliau. Setelah dilantik, beliau menunaikan janji tersebut dan membeli sebuah premis baharu untuk persatuan. Ini telah menandakan satu pencapaian bersejarah yang disaksikan oleh pengasas awal persekutuan tersebut. Tan Sri Lim menyeru ahli-ahli untuk bersatu dan menyumbang ke arah matlamat bersama iaitu menubuhkan sebuah ibu pejabat yang diubah suai sepenuhnya sebagai pusat operasi persatuan.

Mesyuarat Agung Tahunan 2017 Persekutuan Persatuan Lim Malaysia telah diadakan di Hotel Marriott di Putrajaya untuk meluluskan laporan mengenai hal ehwal persatuan dan laporan kewangan 2016. Selain itu, ahli-ahli menyemak semula konstituensi persatuan dan proses urusan dalam persatuan.

Dana Pendidikan Persatuan Lim adalah satu divisyen jangkauan sosial Persekutuan Persatuan Lim Malaysia telah dilancarkan sempena Sambutan Ulang Tahun ke 35 persatuan tersebut di Wisma HuaZong di Serdang. Sambutan tersebut yang melibatkan 106 buah meja telah berjaya mengumpul sumbangan sebanyak RM1.8 juta bagi manfaat aktiviti-aktiviti yayasan. Majlis telah dirasmikan oleh Kaunselor Konsul Kedutaan China, Liu Dongyuan. Dana tersebut telah diusahakan oleh Tan Sri Lim Hock San untuk membantu lebih ramai anak keturunan Lim untuk mendapatkan dana pendidikan.

~tamat~